

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/3/2013

Baiki kelemahan untuk kekalkan kepercayaan

UM - 17/3/2013

KUALA LUMPUR 16 Mac - Pucuk kepimpinan Barisan Nasional (BN) perlu memperbetulkan kelemahan parti selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) bagi memastikan kepercayaan rakyat tidak hilang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, BN seharusnya akur dengan hakikat bahawa pemimpin-pemimpinnya juga manusia biasa yang tidak terkecuali daripada melakukan kesilapan.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pakatan pembangkang di negeri-negeri yang diperintah mereka adalah lebih besar.

"Kita terpaksa, kalau kita tak buat, kita mungkin tak boleh menang Pilihan Raya Umum Ke-14.

"Simpati orang mungkin akan hilang. Kalau kita cuma ingat tentang kesenangan diri dan bukannya kepentingan agama, bangsa dan tanah air, maka tiada sebab bagi rakyat untuk mengundi kita," katanya ketika berucap dalam Himpunan Anak Kedah di Stadium Juara, Bukit Kiara di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Badruddin Amiruddin; Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir; Ketua Penerangan UMNO Kedah, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ahli



DR. MAHATHIR Mohamad bersama Siti Hasmah Mohd. Ali ditemu bual sewaktu menghadiri Himpunan Anak Kedah di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam.

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tiang, Suraya Yaacob.

Antara ketua bahagian UMNO Kedah yang hadir ialah Datuk Johari Baharom (Kubang Pasu), Datuk Abu Hasan Sarif

(Jerlun), Datuk Ahmad Lebai Sudin (Pokok Sena), Datuk Latt Shariman Abdullah (Kuala Kedah), Datuk Tajul Urus Mat Zain (Merbok) dan Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim (Baling).

Program itu dimeriahkan dengan kehadiran lebih 4,000 anak Kedah yang kini menetap di sekitar Lembah Klang.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir me-

nambah, BN hendaklah memenangi lebih banyak kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia bagi mengekalkan majoriti di Dewan Rakyat.

Menurut beliau, pertambahan kerusi diperlukan bagi menampung kehilangan beberapa kawasan Parlimen yang diramalkan berlaku di Sabah dan Sarawak.

Dr. Mahathir juga meminta BN Kedah bekerja keras agar negeri itu dapat menyumbang sekurang-kurangnya 10 kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum tidak lama lagi.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberitahu, sebuah loji penapisan minyak dan jeti bakal didirikan di Jerlun oleh tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary apabila negeri itu kembali ke pangkuan BN.

Menurut beliau, projek lain yang dirancang di kawasan utara Kedah termasuk saluran paip minyak hingga ke Songkhla, Thailand, mewujudkan kawasan industri getah dan industri pembuatan komponen kereta.

"Syed Mokhtar berminat membangunkan Kedah. Kalau kita tengok bangunan-bangunan di Alor Setar, kita tahu Syed Mokhtar ada kebolehan.

"Namun, kita perlu tentukan BN menang di Kedah terlebih dahulu supaya negeri itu dapat pemerintah yang boleh mentadbir dengan baik," katanya.